

NO. SOALAN : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2015

SOALAN :

YB. Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah terdapat sebarang kajian oleh pihak Kementerian tentang impak pola tabiat pembacaan bahan bercetak di kalangan generasi muda di Malaysia yang semakin menampakkan penyusutan dan seterusnya lenyap. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk melaksanakan satu kempen peringkat nasional bagi meningkatkan dan menggalakkan tabiat membaca bahan bercetak di kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN : DATO SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan kajian tentang tabiat membaca (pola pembacaan) dalam kalangan masyarakat Malaysia bermula dari tahun 1996. Hasil kajian pada tahun 1996 mendapati kadar membaca rakyat Malaysia hanya 2 naskhah setahun dan telah meningkat kepada 8 hingga 12 naskhah setahun dalam kajian pada tahun 2010. Kementerian akan melaksanakan kajian yang berikutnya pada tahun hadapan bagi melihat pola pembacaan masyarakat Malaysia.

Berhubungan dengan cadangan kempen peringkat nasional, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Perpustakaan Negara Malaysia telah melaksanakan kempen membaca peringkat kebangsaan yang diadakan bagi meningkatkan dan menggalakkan tabiat membaca rakyat Malaysia. Antaranya program "Jom Membaca Selama 10 Minit (*Let's Read Together*)" yang diadakan pada 23 April setiap tahun. Aktiviti membaca selama 10 minit merupakan aktiviti simbolik kepada menyemai minat membaca di kalangan masyarakat Malaysia. Aktiviti ini turut dijalankan di semua sekolah di Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Desa, perpustakaan IPTA/IPTS dan perpustakaan agensi kerajaan/swasta di seluruh negara.

Selain itu, Perpustakaan Negara Malaysia turut mengadakan program “Karnival Membaca 1Malaysia” yang mengandungi pelbagai pengisian aktiviti membaca di seluruh negara bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.